

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 31/5/2012
Hari: CHAMU MS: 16
Ruangan: SUKSES/UA 1677

UIAM, PUO jaguh futsal Zon Timur

Oleh Abu Bakar Samat
bhvarsiti@bharian.com.my

SKUAD futsal lelaki Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berjaya mempertahankan kejuaraan selepas menundukkan Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam perlawanan akhir sirkit 3 Zon Timur, Kejohanan Futsal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Piala Menteri Pengajian Tinggi 2012, baru-baru ini.

Bertempat di gelanggang Futsal Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) Gong Badak, Terengganu, skuad UIAM menerima tentangan sengit UUM sebelum mampu mencatat kemenangan 5-4 selepas tamat masa tambahan.

Kejayaan itu melayakkan UIAM membawa pulang trofi bersama wang tunai RM3,000, sementara naib juara Universiti Utara Malaysia (UUM) meraih RM2,000. Tempat ketiga disandang Kolej Universiti

Shahputra diikuti UnisZA di tempat keempat dengan masing-masing menerima RM1,000 dan RM500.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Ahli Lembaga Pengarah UnisZA merangkap Naib Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu, Datuk Mokhtar Nong. Turut hadir, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UnisZA, Shahzoi Hamzi Azizan dan Pengarah Pusat Sukan UnisZA, Riduan Mohamed Arof.

Bagi perlawanan akhir kategori wanita pula, skuad Politeknik Ungku Omar (PUO) muncul juara selepas menewaskan Universiti Malaysia Terengganu (2-1) berlanjutan ke separuh penalti selepas kedudukan seri 4-4 pada masa tambahan.

Selaku juara, PUO menerima RM1,500, manakala naib juara Universiti Malaysia Terengganu



JUARA kategori lelaki dan wanita Kejohanan Futsal IPT Sirkit Pantai Timur di Terengganu, baru-baru ini.

(UMT), RM1,000. Tempat ketiga menjadi milik pasukan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan UTM Pahang keempat, masing-masing

hadiah RM500 dan RM300. Nurazwa Abdul Razak dinobatkan sebagai pemain terbaik kategori wanita, manakala pemain

terbaik lelaki pula diraih Abdul Qader Hisham Al-Hajjar, masing-masing menerima satu set jersi tajaan Futsalwork.